

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Motor Road Warrior dan Motor Enhanced Road Warrior.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Motor Road Warrior dan Motor Enhanced Road Warrior?

Ini adalah manfaat yang hanya tersedia untuk perlindungan Kereta Persendirian Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian. Di samping melindungi anda dan para penumpang anda menerusi perlindungan Kemalangan Diri serta pelbagai jenis manfaat yang lain, manfaat ini juga menyediakan Program Bantuan Kereta 24 jam termasuk tunda dan pembaikan kerosakan kecil kereta di tepi jalan. Motor Enhanced Road Warrior juga memberi manfaat tambahan seperti penggantian kereta, perlindungan ihsan untuk kerugian sepenuhnya, kecurian dan banjir.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM60 setahun, anda menerima perlindungan berikut di bawah Motor Enhanced Road 1 unit untuk kenderaan yang mempunyai kapasiti tempat duduk sebanyak 5:

Sebagai ilustrasi, dengan RM99 setahun, anda menerima perlindungan berikut di bawah Motor Enhanced Road Warrior Pelan A:

Perlindungan	Motor Road Warrior	Motor Enhanced Road Warrior
Manfaat-manfaat Kemalangan Diri - Kematian/Hilang Upaya Kekal - Perbelanjaan Perubatan - Perbelanjaan Pengebumian - Tanggung Rugi Berganda - Pembedahan Pembetulan Kosmetik - Pendapatan Hospital	✓	✓
Program Bantuan Kereta - Khidmat Tunda Kecemasan 24-Jam - Pembaikan Kerosakan Kecil Kereta Di Tepi Jalan - Bantuan Teksi dan Kereta Sewa - Pengaturan Penginapan Hotel - Mengaturkan Evakuasi Kecemasan - Rujukan Pusat Servis - Penghantaran Mesej Kecemasan	✓	✓
Manfaat-manfaat Tambahan - Kereta Gantian - Perlindungan Ihsan (untuk kerugian sepenuhnya atau kecurian, tertakluk kepada syarat kenderaan dilindungi di bawah perlindungan komprehensif) - Perlindungan Ihsan Banjir		✓

Polisi ini tidak melindungi:

Kejadian yang timbul daripada peperangan, perang saudara, mogok, rusuhan atau kekacauan awam, bunuh diri, tidak siaman, kelahiran anak atau keguguran (melainkan jika terjadi semata-mata dan secara langsung akibat kemalangan), penyakit, semasa berada di bawah pengaruh dadah atau minuman keras, di mana kenderaan digunakan untuk sewa, perlumbaan, atau tujuan-tujuan yang salah dari sisi undang-undang, di mana anda/pemandu dibenarkan tidak mempunyai lesen memandu yang sah, kos penggantian bahagian-bahagian dan komponen-komponen, pengubahsuaian kenderaan yang menyalahi undang-undang dan sebarang kenderaan perdagangan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butiran penuh mengenai apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans motor kami, anda boleh:



Hubungi kami di 1 300 22 5542



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my

3

Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar untuk Motor Road Warrior bergantung pada kapasiti tempat duduk kenderaan anda dan unit yang dipilih.		
Untuk tujuan ilustrasi, andaikan orang yang diinsuranskan membeli 1 unit Motor Road Warrior dengan Insurans Kereta Persendirian Komprehensif untuk Perodua Myvi yang mempunyai kapasiti tempat duduk sebanyak 5, premium yang perlu dibayar untuk manfaat Motor Road Warrior adalah seperti berikut:		
Premium Asas	RM	60.00
Premium Kasar	RM	60.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan *	RM	4.80
Jumlah Amaun Dibayar	RM	64.80
Komisen ** dibayar kepada pengantara insurans (termasuk dalam Premium Kasar) – 10% daripada Premium Kasar (jika ada)	RM	6.00

Jumlah premium yang anda perlu bayar untuk Motor Enhanced Road Warrior bergantung pada jenis pelan yang dipilih.		
Untuk tujuan ilustrasi, andaikan orang yang diinsuranskan membeli Motor Enhanced Road Warrior Pelan A dengan Insurans Kereta Persendirian Komprehensif, termasuk manfaat Program Bantuan Kereta, premium yang perlu dibayar untuk manfaat Motor Enhanced Road Warrior adalah seperti berikut:		
Premium Asas	RM	99.00
(+) Program Bantuan Kereta	RM	90.00
Premium Kasar	RM	189.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan *	RM	15.12
Jumlah Amaun Dibayar	RM	204.12
Komisen ** dibayar kepada pengantara insurans (termasuk dalam Premium Kasar) – 10% daripada Premium Kasar (jika ada)	RM	18.90

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

** Polisi ini berhak untuk mendapat 10% rebat komisen apabila dibeli melalui saluran pengedaran langsung Allianz.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

A	Pembayaran sebelum perlindungan – Premium hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini terbatal secara automatik dan menjadi tak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
B	Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan harus berumur dari lima belas (15) hari sehingga lapan puluh (80) tahun.
C	Tempoh perlindungan akan mengikut tempoh polisi Kereta Persendirian Komprehensif atau Pihak Ketiga, Kebakaran Dan Kecurian anda.
D	Jika berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh memaklumkan Allianz dengan menghantar tuntutan melalui Aplikasi MyAllianz atau melawat Portal MyAllianz .



Bolehkah saya membatalkan manfaat ini?

Ya. Anda boleh membatalkan manfaat ini bersama dengan pembatalan polisi Kereta Persendirian anda secara keseluruhan yang boleh dilakukan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata (jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan Allianz) atau pada kadar tempoh singkat (jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan Allianz). Mana-mana premium minimum yang dibayar dibawah polisi ini tidak boleh dipulangkan sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh insurans semasa.	
Sebagai alternatif, anda juga boleh membatalkan manfaat tambahan ini Sahaja tanpa membatalkan polisi Kereta Persendirian anda. Walau bagaimanapun, sekiranya anda membatalkan manfaat tambahan ini sahaja, anda tidak akan layak untuk mendapat pemulangan premium selepas pembatalan manfaat ini.	

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan ini sah laku dari 01/01/2026.